

TARIKH	SELASA, 23 DISEMBER 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	JEPUN SEDIA AKTIFKAN SEMULA LOJI NUKLEAR TERBESAR DUNIA
M/S	25
BIDANG	NUCLEAR ENERGY / NUCLEAR POWER PLANT, ENERGY
KATA KUNCI	REACTORS, NUCLEAR FACILITIES

Jepun sedia aktifkan semula loji nuklear terbesar dunia

Niigata: Wilayah Niigata, Jepun dijangka menyokong keputusan menghidupkan semula loji kuasa nuklear terbesar dunia, menandakan langkah penting Jepun kembali menggunakan tenaga nuklear selepas bencana Fukushima pada 2011.

Loji Kashiwazaki-Kariwa, kira-kira 220 kilometer (km) di barat laut Tokyo, adalah antara 54 reaktor yang ditutup selepas gempa bumi dan tsunami besar mencetuskan bencana nuklear Fukushima pada 2011, yang dianggap terburuk sejak Chernobyl.

Sejak itu, Jepun menghidupkan semula 14 daripada 33 reaktor yang masih boleh beroperasi bagi mengurangkan kebergantungan bahan api fosil import.

Kashiwazaki-Kariwa akan menjadi loji pertama yang dikendalikan oleh Tokyo Electric Power Co (TEPCO), syarikat yang sama mengendalikan loji Fukus-

hima sebelum ini.

Jika diluluskan, TEPCO ber-cadang mengaktifkan semula satu daripada tujuh reaktor di loji itu seawal 20 Januari, lapor *NHK*.

“Kami kekal komited sepenuhnya untuk memastikan kemalangan seperti itu tidak berulang dan memastikan penduduk Niigata tidak lagi mengalami perkara sama,” kata jurucakap TEPCO, Masakatsu Takata.

Awal tahun ini, TEPCO berikrar untuk menyuntik AS\$641 juta (RM2.6 bilion) ke dalam wilayah itu dalam tempoh 10 tahun sebagai usaha mendapatkan sokongan penduduk Niigata.

Namun, ramai penduduk tempatan masih berasa bimbang.

Satu tinjauan mendapati 60 peratus penduduk berpendapat loji itu belum bersedia dihidupkan semula, manakala hampir 70 peratus tidak yakin keupayaan TEPCO.

REUTERS

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM 2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	--